



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5 (18)
Tarikh : 02 Ogos 2023
Bersamaan : 15 Muharram 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 13 TAHUN 2023


KADAR YURAN PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN YANG DILAKSANAKAN MELALUI PEMBELAJARAN SECARA ANJAL DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar yuran pengajian Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Dengan Kepujian yang dilaksanakan secara anjal di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Pendidikan Tinggi melalui Surat JPT (A) 1000/001/019/01 Jld. 30 (19) bertarikh 11 April 2023 telah memaklumkan arahan pelaksanaan sistem pembelajaran anjal di mana setiap institut pengajian tinggi dimohon menawarkan program secara anjal bermula tahun 2023.



- 2.2 Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial telah dipilih bagi menawarkan program pembelajaran anjal melibatkan model 2H2U.
- 2.3 Justifikasi pelaksanaan sistem pembelajaran secara anjal adalah:
- a. Dapat mengurangkan jumlah pinjaman dan kos pendidikan; dan
 - b. Menjimatkan kos penginapan asrama/ sewa rumah serta kos sara hidup yang agak signifikan.
- 2.4 Kadar yuran pengajian Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Dengan Kepujian yang dilaksanakan secara anjal di UMT ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Senat UMT yang bersidang Kali Ke-168 pada 26 Jun 2023;
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-34 Bil. 2 Tahun 2023 pada 21 Jun 2023; dan
 - c. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-62 (Bil. 3 Tahun 2023) pada 30 Julai 2023.

3. YURAN PENGAJIAN PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN YANG DILAKSANAKAN MELALUI PEMBELAJARAN SECARA ANJAL

Kadar yuran pengajian bagi program Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Dengan Keupujian yang dilaksanakan melalui pembelajaran secara anjal adalah **RM800/semester bagi semester 3 dan 4** dan perincian yuran mengikut semester adalah seperti Jadual 1 berikut:

Perkara	Yuran Mengikut Semester (RM)							Jumlah (RM)
	1	2	3	4	5	6	7 (L.I.)	
Yuran tidak berulang :								
Pendaftaran	100							100
Orientasi	200							200
Kokurikulum	150							150
Alumni	100							100
Pemeriksaan kesihatan	80							80
JUMLAH	630							630
Yuran berulang :								
Pelajaran	550	550	550	550	550	550	550	3,850
Perkhidmatan	200	200	100	100	200	200	-	1,000
Kesihatan	50	50	50	50	50	50	-	300
Perpustakaan	50	50	50	50	50	50	-	300
Aktiviti	20	20	-	-	20	20	-	80
Kebajikan	50	50	50	50	50	50	50	350
JUMLAH	920	920	800	800	920	920	600	5,880
JUMLAH BESAR	1,550	920	800	800	920	920	600	6,510

Jadual 1: Perincian Yuran Mengikut Semester bagi Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Dengan Keupujian Yang Dilaksanakan Melalui Pembelajaran Secara Anjal

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya bermula pada semester penawaran Program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Dengan Kepujian yang dilaksanakan secara anjal.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail